

20 JAN 1996

Muhammad - Kampung

SELANGOR PEMANGKIN KEWUJUDAN KAMPUNG MASA DEPAN

BANTING, 20 Jan (Bernama) -- Selangor sedia menjadi pemangkin bagi mewujudkan "kampung masa depan" yang tetap kaya dengan nilai-nilai tradisi dan kerukunan walaupun maju dengan teknologi dan ekonomi moden, kata Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhamad Taib.

Katanya, Kerajaan Negeri akan merealisasikan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat kewujudan kampung-kampung sedemikian yang diyakininya akan mempercepatkan pencapaian matlamat Malaysia menjadi negara maju mengikut acuan sendiri.

"Perdana Menteri pernah menekankan untuk membangunkan kampung masa depan ini yang pembangunan fizikalnya seperti di bandar tetapi masyarakatnya masih mengekalkan cara hidup dan pergaulan mulia seperti di kampung," katanya pada majlis Pemimpin Di Desa di Kampung Endah dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri turun ke desa pada majlis itu untuk bermesra dengan rakyat di bawah program itu yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar bertemakan "Bersama Ke Arah Desa Yang Maju, Menarik dan Menguntungkan".

Muhammad berkata kampung masa depan yang dihasratkan itu dilengkapi dengan semua prasarana moden dan penduduknya bergiat dalam ekonomi moden seperti menjalankan industri kecil dan sederhana manakala penggunaan teknologi seperti komputer juga meluas.

Beliau berkata kampung itu juga akan mempunyai pusat sumber yang dapat menjadi rujukan bukan saja bagi pelawat tetapi untuk dicontohi oleh kampung lain.

"Penduduknya pula masih mengekalkan nilai dan tradisi kampung seperti saling hormat menghormati, bergotong royong, institusi masjid menjadi pusat pembinaan insan kamil dan para belianya bukan saja aktif tetapi juga mampu menolak perilaku yang negatif dan tidak bermoral," kata Muhammad.

Kampung Endah seluas 1,185 hektar dengan penduduk seramai 1,610 orang mendiami 236 buah rumah wujud sebagai sebuah penempatan terpencil pada tahun 1952, sudah mempunyai sebahagian ciri-ciri itu, katanya.

Kampung Endah bukan saja indah dan beberapa kali menjadi johan kampung terbaik dan kampung terindah peringkat negeri dan kebangsaan sehingga tidak lagi dibenarkan menyertai pertandingan itu, tetapi juga maju dari segi kegiatan ekonomi yang dijalankan secara muafakat oleh penduduknya.

Antara usaha penduduk yang menarik perhatian Perdana Menteri ialah mereka menggunakan wang hadiah yang dimenangi untuk melaksanakan projek bagi manfaat setiap penduduk dan bermuafakat mengumpulkan RM50 setiap orang sebulan sejak April 1987 sehingga berjaya mencapai RM2.21 juta.

Wang itu akan digunakan untuk membeli sebahagian tanah estet berdekatan bagi tujuan meluaskan lagi kampung mereka dan membangunkan tapak perumahan, yang perletakan batu asasnya disempurnakan oleh Dr Mahathir pada lawatannya itu.

Muhammad berkata sebagai membuktikan sokongan Kerajaan Negeri terhadap kegigihan penduduk Kampung Endah, mereka akan hanya dikenakan bayaran premium tanah yang minimum untuk projek itu.

Sempena lawatan itu Perdana Menteri juga menyampaikan hadiah-hadiah khas kepada penduduk termasuklah anugerah Tokoh Pemimpin Kampung kepada Haji Sairon Abdul Hamid, bekas Anggota Dewan Undangan Negeri Batu Laut, yang kini menjadi penasihat Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung di situ.

Seorang lagi penerima anugerah yang sama ialah imam masjid kampung itu sejak pembukaan kampung, Haji Taib Marlon manakala Puan Tukiah Mohd Alias yang dilahirkan pada 1910 menerima anugerah khas warga tertua dan Encik Misran Khalil menerima anugerah khas pemilik rumah contoh.

Sebanyak enam pelajar turut menerima anugerah daripada Perdana Menteri bagi pencapaian terbaik dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM di kalangan pelajar-pelajar kampung itu.

Dr Mahathir dan tetamu kenamaan kemudiannya dibawa menaiki bas terbuka mengelilingi kampung dan menyaksikan perusahaan gentian kaca sebelum menikmati jamuan tengah hari di rumah Sairon dan menunaikan solat Zohor di masjid kampung itu bersama-sama penduduk kampung. -- Bernama